

30 JUL 1998

Malaysia-CIQ

MALAYSIA UMUMKAN BUTIRAN PERTIKAIAN TANJONG PAGAR DENGAN SINGAPURA ESOK

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Malaysia akan mengumumkan esok mengenai kebuntuan pertikaiannya dengan Singapura berhubung pusat pemeriksaan imigresen Malaysia di stesen kereta api Tanjung Pagar di republik itu, kata pegawai-pegawai kanan, hari ini.

Ketua Setiausaha Wisma Putra Datuk Abdul Kadir Mohamad akan mengumumkan butir-butir mengenai keputusan Malaysia untuk mengekalkan pusat pemeriksaan itu di stesen kereta api Tanjung Pagar, yang dimiliki oleh KTM Berhad.

Abdul Kadir dijadual mengadakan taklimat untuk wakil media petang esok. Sebelum ini, beliau menghadiri mesyuarat menteri-menteri Asean yang berakhir di Manila, semalam.

"Satu kenyataan akan dikeluarkan semasa taklimat itu," kata seorang pegawai.

Dalam satu kenyataan hari ini, Singapura berkata rundingan dengan Malaysia untuk menyelesaikan pertikaian itu telah menemui jalan buntu dan mengingatkan bahawa para pegawai imigresen Malaysia akan bertindak tanpa kuasa di Tanjung Pagar dan bercanggah dengan proses pelepasan imigresen selepas Singapura memindahkan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin-nya (CIQ) dari Tanjung Pagar ke Woodlands mulai Sabtu ini.

Kementerian Dalam Negeri republik itu berkata dalam satu kenyataan bahawa Singapura telah memaklumkan kepada kerajaan Malaysia yang para penumpang kereta api akan menghadapi "kesukaran dan ketidaktepatan" jika Imigresen Malaysia tetap mahu menjalankan tugas mereka di Tanjung Pagar selepas esok (31 Julai).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin berkata bahawa Malaysia tidak akan memindahkan CIQ-nya dari Tanjung Pagar selepas Wisma Putra menolak kenyataan Singapura yang kedua-dua pihak telah bersetuju dengan aturan sementara.

Wisma Putra berkata kenyataan Singapura itu mengandungi ketidaktepatan fakta dan Malaysia sebenarnya meminta disediakan tempat di dalam Pusat Pemeriksaan Kereta Api Woodlands (WTCP) dan bukannya di atas platform penumpang seperti yang dinyatakan republik itu.

Para pegawai kedua-dua pihak telah mengadakan beberapa rundingan sejak kebelakangan ini berikutan pengumuman Singapura untuk memindahkan CIQ-nya mulai 1 Ogos dari Tanjung Pagar, di selatan republik itu, ke Woodlands yang dihubungkan oleh tambak ke Malaysia.

Perkara itu juga dibincangkan oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan rakan sejawatannya dari Singapura S.Jayakumar semasa AMM.

Kebuntuan yang melanda ini akan menjejaskan para penumpang kereta api dari Singapura menerusi Tanjung Pagar ke Malaysia memandangkan mereka perlu diperiksa untuk pelepasan oleh Singapura dahulu sebelum pihak berkuasa Malaysia memberikan mereka kebenaran masuk.

Mereka yang hendak ke Singapura pula tidak akan terjejas kerana mereka akan diperiksa untuk pelepasan oleh imigresen Malaysia di Johor Baharu dan imigresen Singapura di Woodlands.

-- BERNAMA

TCL NAK